

06 JUL 1996

UMNO TERIMA SEMULA EMPAT ANGGOTA DARI SABAH

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini menerima semula empat anggota yang dipecat kerana mengkhianati parti itu pada pilihan raya negeri Sabah yang lepas.

Mereka terdiri daripada Anggota Dewan Undangan Negeri Sabah kawasan Banggi, Datu Amirkahar Tun Datu Mustapha, serta Pitting Mohd Ali dan Nilwan Kabang dari Umno Bahagian Silam dan Askalani Abdul Rahim dari Umno Bahagian Semporna.

Mereka dipecat kerana bertanding atas tiket Parti Bersatu Sabah (PBS) pada pilihan raya berkenaan.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat MT selama hampir tiga jam itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata MT juga menerima keputusan Jawatankuasa Disiplin dan Jawatankuasa Pengurusan parti mengenai tempoh penggantungan dan pemecatan seseorang anggota.

Kedua-dua jawatankuasa itu, yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim mencadangkan supaya tempoh pemecatan ditetapkan selama tiga tahun manakala tempoh penggantungan antara satu dan tiga tahun.

"Bagi anggota-anggota lain yang rayuan mereka belum diputuskan, Majlis Tertinggi akan membuat keputusan pada mesyuarat akan datang selepas mendapat laporan Jawatankuasa Disiplin," kata Dr Mahathir selepas mesyuarat itu yang berlangsung di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra.

MT turut bersetuju dengan cadangan kerajaan meminda Akta Pengambilan Tanah bagi membolehkan tanah rizab Melayu diambil alih dan dimajukan oleh bumiputera pada kadar pasaran yang sesuai. -- BERNAMA

AH MAI